

05 DEC 1997

LIMA-Perjanjian

ENAM LAGI PERJANJIAN DITANDATANGANI DI LIMA

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) -- Enam lagi perjanjian mengenai aero angkasa dan automobil ditandatangani pada hari keempat Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '97) di sini hari ini dengan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khazanah Nasional Berhad dan British Aerospace menandatangani perjanjian kerjasama bagi membangunkan keupayaan Malaysia dalam rekabentuk dan pengeluaran produk aero angkasa.

Kerjasama itu membolehkan Malaysia memperolehi akses bagi teknologi aero angkasa dan mewujudkan kemahiran teknikal dan hak intelektual bagi Malaysia bersaing merebut peluang aero angkasa dan program pesawat pada masa depan.

Pengarah Urusan Khazanah Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim menandatangani bagi pihak Khazanah Nasional sementara British Aerospace diwakili oleh pengarah urusannya Allan MacDonald.

British Aerospace dalam satu kenyataan menyatakan perjanjian itu membolehkan projek bersama dijalankan termasuk pelaburan oleh Khazanah dalam Avro Regional Jet Business milik penuh British Aerospace.

Sementara itu, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) menandatangani perjanjian dengan Proton Berhad, Kelab Penerbangan Diraja Selangor (RSFC) dan Denel Aviation Malaysia.

CTRM diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Tan Sri Dr Chen Lip Keong sementara Proton, RSFC dan Denel, masing-masing diwakili oleh Datuk Wira Salleh Sulong, Lt Jen Datuk Nawli Alias dan Johann Holdt.

Perjanjian dengan Proton ialah bagi penubuhan sub kontrak bagi pengeluaran bahan komposit oleh CTRM untuk kereta sports Lotus Elise. Pada masa ini, semua komponen dikeluarkan di United Kingdom.

Perjanjian dengan RSFC ialah bagi penjualan dua pesawat Eagle 150 kepada kelab itu. Ia akan digunakan oleh anggotanya untuk penerbangan rekreasi serta keperluan latihan bagi Lesen Juruterbang Persendirian.

Melalui perjanjian dengan Denel Aviation, CTRM berharap untuk meneroka pengeluaran sub kontrak secara jangka panjang bagi komponen komposit dan memberi bantuan logistik bagi komponen ini bagi helikopter penggempur Rooivalk.

Dua lagi perjanjian membabitkan Aerospace Industries Malaysia (AIM) dengan Hunting Aviation Ltd dari United Kingdom mengenai latihan penerbangan ketenteraan, dan Aero Invest (Germany) untuk menubuhkan pusat penyelenggaraan jet. -- BERNAMA

MOK FAZ